



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

JAMBATAN KAMPUNG BARU SERI TENGAH BAKAL DINAIK TARAF UNTUK TINGKATKAN KESELAMATAN DAN KELANCARAN TRAFIK RAKYAT KLUANG

KLUANG, JOHOR - YB Datuk Seri Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya hari ini telah turun padang meninjau lokasi projek menggantikan Jambatan yang sempit dan telah uzur di Jalan Kampung Baru Seri Tengah (Jalan Negeri, J249), Kluang, Johor.

2. Kepesatan pembangunan di Kluang telah meningkatkan bilangan aliran trafik seterusnya menyebabkan kesesakan pada jalan-jalan utama. Kesannya, kebanyakan penduduk tempatan menggunakan laluan alternatif atau pintas di kawasan perumahan dan jalan kampung seperti Jalan Kg. Baru Seri Tengah (J249) ini untuk menjimatkan masa bagi menghubungkan DUN Mahkota dan DUN Paloh. Jalan ini juga merupakan laluan utama penduduk Kg. Baru dan Kg. Tengah dan juga laluan dari kawasan Paloh ke Pekan Kluang.

3. Namun begitu, laluan ini akan mengalami kesesakan terutamanya pada waktu puncak kerana terdapat Masjid Kg. Baru, Sekolah Kebangsaan Seri Kg. Tengah, Tadika dan Madrasah Darul Ulum Miftahul Falah yang terletak di Kg. Tengah yang digunakan bersama dengan penduduk dari Kg. Baru.

4. Kesesakan lalu lintas di laluan ini berpunca dari jambatan yang sempit (kelebaran 4.6m) di mana pergerakan hanya sehalu sahaja dan kenderaan dari arah yang bertentangan perlu berhenti untuk memberi laluan.

5. Justeru, bagi meningkatkan aspek keselamatan pengguna jalanraya serta melancarkan aliran trafik, projek menggantikan jambatan laluan J249 ini dirancang sebagai solusi jangka panjang. Jambatan sedia ada yang sempit akan dinaik taraf daripada 1 lorong kepada 2 lorong mengikut spesifikasi piawaian JKR R2.

6. Agensi pelaksana projek ialah Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia dengan JKR Negeri Johor sebagai Pegawai Penguasanya. Projek ini kini diperingkat kerja ukur (site verification) dan tender dijadual diiklankan pada Februari 2025 dan seterusnya penyerahan Surat Setuju Terima (SST) dijadualkan pada Jun 2025.

7. Kementerian Kerja Raya (KKR) sentiasa peka dan cakna akan situasi semasa samada berdasarkan cerapan dan pemantauan pejabat JKR setempat mahupun dari maklumbalas Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri dan rakyat. Kementerian berharap pasukan pengurus projek dapat merealisasikan pelaksanaan projek berimpak kepada Rakyat MADANI di Kluang ini selaras dengan hasrat program MYJalan KKR yang ingin menyediakan infrastruktur yang selamat dan selesa.

#TAMAT#

**KEMENTERIAN KERJA RAYA
5 SEPTEMBER 2024**